

07 SEP 1998

Kewangan-Mustapa

KERAJAAN WUJUDKAN DUA JAWATAN MENTERI KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini menyandang jawatan Menteri Kewangan Pertama dan Datuk Mustapa Mohamed yang juga Menteri Pembangunan Usahawan memegang jawatan Menteri Kewangan Kedua, berkuatkuasa hari ini.

Kerajaan memutuskan untuk mewujudkan dua jawatan itu berikutan kekosongan jawatan Menteri Kewangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkata dalam satu kenyataan hari ini.

Perdana Menteri sebelum ini memangku jawatan Menteri Kewangan ekoran Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Rabu lepas.

JPM dalam kenyataan itu berkata Mustapa, 48, kekal sebagai Menteri Pembangunan Usahawan.

Pengwujudan dua jawatan menteri kewangan itu adalah satu ciri baru kepada Jemaah Menteri Malaysia yang sebelum ini hanya mempunyai satu jawatan menteri kewangan.

Kenyataan singkat JPM itu berkata kedua-dua jawatan itu diwujudkan ekoran kekosongan jawatan Menteri Kewangan dan tidak menyatakan sebab-sebab lain.

Mustapa adalah lulusan Universiti Melbourne dengan memperolehi sarjana muda ekonomi, kepujian kelas satu dan sarjana ekonomi pembangunan dari Universiti Boston.

Dilahirkan pada 1950 di Bachok Kelantan, Mustapa mendapat pendidikan sekolah Menengah di Kolej Sultan Ismail Kota Bharu.

Pelantikan Mustapa ibarat "sirih pulang ke gagang" kerana beliau memulakan kerjaya di Perbendaharaan sebagai penolong setiausaha pada 1974.

Enam tahun kemudian beliau menjadi pensyarah di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan pada 1984 menjadi pegawai khas kepada menteri kewangan ketika itu Tun Daim Zainuddin.

Karier politik Mustapa melonjak apabila beliau dilantik sebagai setiausaha politik Daim pada tahun yang sama.

Beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan selepas dilantik sebagai senator pada Mac 1991.

Pada Januari 1994, Mustapa dinaikkan ke jawatan Timbalan Menteri Kewangan.

Mustapa memenangi pertandingan bagi kerusi Parlimen Jeli pada pilihan raya April 1995 dan berikutan itu dilantik sebagai Menteri Pembangunan Usahawan.

Beliau mendapat jumlah undi ketiga terbanyak dalam pertandingan bagi kerusi Majlis Tertinggi UMNO dalam pemilihan parti itu pada 1996.

Beliau juga adalah ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang diamanahkan untuk menggubal strategi mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Mustapa berkahwin dengan Datin Khamarzan Ahmad Meah dan mempunyai empat orang anak -- dua lelaki dan dua perempuan.

-- Bernama

zks KHY